



SIARAN AKHBAR

PRESS STATEMENT

S.A. 2016/05/48 (HQ)

PROJEK MESRA RAKYAT TNB PERINGKAT NEGERI TERENGGANU 2016

Kehidupan Encik Bee Chong@Chen Chan Ken kini lebih selesa, setelah Tenaga Nasional Berhad (TNB) membaik pulih kediamannya di Kampung Cina, Kuala Kemaman, Kemaman, Terengganu menerusi Projek Mesra Rakyat Peringkat Negeri Terengganu 2016.

Encik Bee Chong, 72 tahun, adalah bapa tunggal dan bekerja sebagai Pembantu Kedai. Beliau juga mendapat bantuan sara hidup daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Melalui Projek Mesra Rakyat TNB, rumahnya yang usang kini telah dibaik pulih sepenuhnya. Di samping itu, turut dilaksanakan ialah kerja-kerja membaik pulih dapur, bilik air serta tandas.

Rumah Encik Bee Chong yang siap dibaiki dirasmikan hari ini oleh Pegawai Penyelaras DUN Chukai, Encik Ahmad Fikry bin Haji Ibrahim.

Pengurus Besar Negeri (Terengganu), Ir. Saharenam Mukhtar dalam ucapannya berkata Projek Mesra Rakyat adalah susulan daripada saranan kerajaan supaya Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) memainkan peranan dalam membantu kerajaan untuk membaiki kediaman golongan sasaran.

Golongan sasaran ini antaranya calon-calon India dan Cina terdiri daripada penduduk miskin luar bandar, ibu tunggal dan warga emas. Untuk tahun 2016, Negeri Terengganu telah diperuntukkan dua (2) buah rumah untuk di baik pulih. Setakat ini dua (2) orang penerima yang layak telah dikenal pasti iaitu Puan Toh Ehi Ghim, di Kg. Pengkalan Arang, Kuala Terengganu, dan Encik Bee Chong@Chen Chan Ken, di Kampung Cina, Kuala Kemaman, Kemaman, Terengganu.

Dikeluarkan Kemaman, Terengganu pada 19 Mei 2016

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /
Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) / Puti Mazlina Mashudi (013-3642727)
media@tnb.com.my*